



Headline: Warga Miri diseru waspada, hindari tertipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Tempatan

Date: 5 March 2022

Page: 5

Warga Miri diseru waspada, hindari tertipu Macau Scam

Sembilan kertas siasatan dibuka sejak awal tahun: KPD

Oleh Mohd Aliff Idzwan Abdullah

MIRI: Sebanyak sembilan kertas siasatan melibatkan kerugian berjumlah RM789,220 kes penipuan Macau Scam direkodkan di sini bagi tempoh 1 Januari sehingga 3 Mac tahun ini.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Hakemal Hawari berkata, manakala lima kertas siasatan pula telah dituduh di Mahkamah Miri bagi tempoh tersebut.

“Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri mengesahkan laporan polis melibatkan modus operandi jenayah penipuan melibatkan medium telekomunikasi iaitu panggilan telefon atau dikenali sebagai Macau Scam semakin meningkat saban hari bagi tempoh awal tahun ini.

“Bagi kes seperti ini, pihak polis akan membuat siasatan dan pertuduhan di bawah peruntukan Seksyen 420 dan Seksyen 424 Kanun Keseksaan ataupun Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sarawak 1958 ke atas keldai akaun jika dapat dibuktikan penglibatan mereka,” katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Hakemal berkata, lazimnya kes penipuan Macau Scam akan terjadi apabila mangsa menerima panggilan telefon daripada pihak yang tidak dikenali mengaku daripada pihak bank, telekom, syarikat telekomunikasi, kenalan dan juga pihak berkuasa undang-undang seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) ataupun mahkamah.

“Antara ayat yang didakwa



HAKEMAL

digunakan suspek ini antaranya ialah ‘Kamu terlibat dengan jenayah dan jika enggan memberikan kerjasama akan ditangkap segera’, ‘Serahkan maklumat akaun dan butiran kewangan untuk siasatan.’

“Selain itu antara ayat lain ialah ‘Mengarahkan supaya membuat pindahan wang ke dalam akaun pihak lain bagi tujuan pemutihan nama mangsa dalam kes jenayah’ dan ‘Jangan beritahu sesiapa mengenai panggilan yang diterima’,” ujarnya.

Sehubungan itu, IPD Miri mengingatkan kepada seluruh masyarakat khususnya di sini agar tidak mudah panik dan terpedaya dengan panggilan telefon yang diterima daripada pihak tidak dikenali.

“Segera putus panggilan yang diterima daripada pihak yang mencurigakan serta membuat pengesahan segera kepada pihak berkaitan terlebih dahulu bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

“Jangan sesekali menyerahkan

“Segera putus panggilan yang diterima daripada pihak yang mencurigakan serta membuat pengesahan segera kepada pihak berkaitan terlebih dahulu bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.”

ACP Hakemal Hawari
Ketua Polis Daerah Miri

butiran kewangan atau sewakan akaun bank, apatah lagi mendedahkan nombor kad ATM (pengeluaran wang automatik) serta nombor pin atau TAC (kod pengesahan transaksi) kepada pihak ketiga,” tegas Hakemal.

Dalam pada itu, orang ramai juga disarankan agar membuat semakan di laman web <https://semakmule.rmp.gov.my/> atau boleh hubungi CCID Scam Response Center melalui talian 03-26101559 dan 03-26101599 atau Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) infoline di talian 013-2111222 (WhatsApp atau SMS) bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat berhubung kes-kes jenayah telekomunikasi seperti ini.